

Bersama tangani isu semasa

SEREMBAN 24 Ogos - Para pendakwah di negara ini diajak untuk bersama-sama membantu kerajaan memberi penerangan kepada masyarakat dalam usaha menangani isu-isu semasa yang membangkit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, para pendakwah tidak boleh bersikap mengasingkan diri hingga menyebabkan masyarakat terdorong untuk melakukan perkara yang membawa kemudaratan kepada negara.

Sebagai pendakwah, katanya, tugas mereka bukan sebagai penghukum sebaliknya sifat mulia golongan itu ialah menyemai aura positif dalam masyarakat.

"Dalam konteks ini, para pendakwah terutamanya dalam kalangan generasi muda harus mendepani kemelut yang melanda dengan memberi satu dimensi

positif daripada kita terjebak dalam pelbagai isu yang tidak tahu betul atau salah.

"Kita terlalu dihidangkan dengan perkara bersifat fitnah atau tohmah serta elemen memburuk-burukkan negara sendiri hingga menimbulkan kemudaratan pada negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menutup Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Program itu adalah acara rasmi Asyraf Wajdi yang pertama selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri dalam rombakan Kabinet pada 28 Julai lalu.

Menurutnya, dalam menghadapi polemik semasa, para pendakwah

harus berpegang teguh kepada prinsip yang digariskan oleh al-Quran iaitu menyelidik dengan teliti maklumat yang disebar terutamanya melalui media sosial.

"Berpeganglah kepada prinsip tabaiyun sebelum kita buat sebarang kesimpulan dan keputusan bagi mengelak kita mencetuskan kemudaratan yang lebih besar," ujarnya.

Dalam hal itu, jelasnya, kerajaan sentiasa memberi penjelasan dari semasa ke semasa termasuk kepada para pendakwah bagi membolehkan mereka memahami sesuatu isu dan memberi penerangan kepada masyarakat.

Sebagai contoh, tambahna, Konvensyen Pendakwah Muda yang dianjurkan oleh USIM adalah satu platform yang disediakan untuk para mahasiswa menyampaikan pandangan mereka kepada pihak berkuasa.



ASYRAF WAJDI DUSUKI (dua dari kiri) bersama **Dr. Musa Ahmad** (kiri) melihat resolusi khas Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015 yang diserahkan oleh Timbalan Pengarah Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa, **Marbawa Zulkifli** (dua dari kanan) di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.